

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA PERASMIAN BULAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI GETAH**  
**DI DEWAN KENANGAN TUN ABDUL RAZAK BALING, KEDAH**  
**2 SEPTEMBER 1999**

-----

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Illahi kerana dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan di Majlis Pelancaran Bulan Pemindahan Teknologi Getah, anjuran Lembaga Getah Malaysia, pada petang ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada YB Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik dan pihak 1penganjur kerana menjemput saya menyampaikan sepatah dua kata bagi merasmikan Pelancaran Bulan Pemindahan Teknologi Getah ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Sejak dua tahun yang lalu, kita telah menempoh satu peristiwa pahit, ekoran kegawatan ekonomi yang melanda negara secara mendadak. Keadaan ekonomi yang baik yang telah kita nikmati dari tahun 1987 hingga 1996 tiba-tiba tergugat pada pertengahan tahun 1997 akibat krisis mata wang. Tetapi kerajaan Malaysia telah bertindak cepat menangkis kegawatan ekonomi ini dengan cara kita sendiri. Alhamdulillah, usaha kita telah menunjukkan hasil. Ekonomi kita telah tumbuh pada kadar 4.1 peratus.

3. Sejak negara mengenakan kawalan pertukaran wang asing terpilih, rezab pertukaran asing juga turut bertambah sebanyak 50%. Sementara itu, lebih perdagangan antara bulan Januari hingga Jun 1999 berada pada tahap yang baik. Tidak dinafikan bahawa pemulihan itu disumbangkan juga oleh sektor pertanian serta industri yang berasaskan komoditi.

4. Pendapatan eksport sektor pertanian pada tahun 1998 ialah sebanyak RM 52 bilion. Dari jumlah ini, industri getah pada keseluruhannya telah menyumbangkan sebanyak RM 13 bilion; iaitu RM 2.81 bilion dari eksport getah asli, RM 6.49 bilion dari barangan getah dan RM 3.7 bilion dari barangan kayu getah. Ini mencerminkan bahawa industri getah telah membuat sumbangan yang amat bermakna kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Majlis tindakan ekonomi negara atau mten, yang diwujudkan oleh kerajaan bagi mengatur pelan pemulihan ekonomi negara, telah mengakui bahawa sektor pengeluaran getah ialah satu industri atau tanaman yang strategik. Ini adalah kerana ia mempunyai unsur-unsur penting dari segi sosio-ekonomi. Di samping menjadi mata pencarian utama bagi pekebun-pekebun kecil, sektor ini juga menjadi pembekal bahan mentah yang penting untuk pembuatan barangan getah dan kayu getah. Sektor pembuatan barangan getah telah mencapai pertumbuhan yang amat menggalakkan berikutan pelancaran pelan induk perindustrian yang pertama.

6. Oleh itu apabila prestasi sektor pengeluaran ini kurang memuaskan berbanding dengan sektor Industri Hiliran, adalah tanggungjawab kita bersama untuk mengatasi segala halangan yang ada. Ini penting kerana 87.6% daripada keluasan tanah getah adalah milik pekebun kecil yang menyumbang 78% kepada pengeluaran getah

negara. Dengan keadaan harga getah yang amat rendah sekarang, kebanyakan pekebun kecil menghadapi pendapatan yang berkurangan. Sebilangan daripada mereka pula bergantung sepenuhnya kepada pendapatan dari getah. Oleh yang demikian, keadaan ekonomi golongan ini akan terus mendapat perhatian sewajarnya dari kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Kerajaan sentiasa menekankan betapa pentingnya penyelidikan dan pemindahan teknologi terhadap kemajuan getah asli di Malaysia. Dalam sebulan dua ini sahaja, beberapa siri perbincangan antara jabatan, agensi dan kementerian yang berkaitan dengan getah, termasuk dengan wakil-wakil pekebun kecil telah diadakan. Semua ini adalah semata-mata bagi kerajaan mencari jalan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh industri getah sekarang yang banyak hubungkaitnya dengan pekebun kecil.

8. Teknologi-teknologi baru telah banyak dicipta oleh Lembaga Getah Malaysia bagi memenuhi kehendak pengguna. Dalam bidang pengeluaran, penyelidikan telah dijalankan berhubung dengan baikbiak baka, penjagaan kebun, sistem torehan dan lain-lain. Penemuan terbaru dalam pembaikbiakan baka ialah klon lateks-balak atau LTC yang boleh menghasilkan lateks dan kayu yang tinggi. Benih-benih LTC ini dijangka dapat menghasilkan lebih 2,000 kilogram sehektar setahun berbanding dengan 1,500 kilogram sehektar setahun dari klon generasi lama seperti rrim 600. Selain daripada itu, satu lagi teknologi baru bagi mengatasi kekurangan buruh di sektor estet dan kebun kecil dalam bidang penorehan telah dicipta. Teknologi tersebut ialah Sistem Torehan Intensiti Rendah atau ringkasnya LITS; khususnya Rimflow dan Reactorrim.

9. Hasil kajiselidik yang dijalankan oleh Lembaga Getah Malaysia hanya berguna jika ia diterimapakai oleh pekebun kecil. Malangnya, walaupun kita banyak mencapai kemajuan dalam bidang penyelidikan getah asli, keberkesanan dalam pemindahan teknologi belum memuaskan lagi. Petunjuk yang boleh kita ambil sebagai mengukur setakat mana kejayaan pemindahan teknologi ini ialah hasil pengeluaran pekebun-pekebun kecil. Dalam hal ini, kita dapati hasil pengeluaran pekebun kecil adalah lebih rendah berbanding sektor estet. Paras pengeluaran yang rendah di kalangan pekebun kecil berkait rapat dengan terlalu kurangnya pekebun kecil menggunakan teknologi yang dihasilkan dari penyelidikan. Kajian menunjukkan bahawa penerimaan pakai teknologi di kalangan pekebun kecil masih rendah. Oleh itu, saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan supaya menerimapakai teknologi-teknologi yang disyorkan jika hendak meningkatkan pengeluaran. Sambil itu, saya juga ingin menyarankan kepada LGM supaya teknologi yang disyorkan kepada pekebun kecil hendaklah sesuai dan mampu untuk mereka menerimapakainya. Sehubungan dengan ini, saya ingin menyentuh apa yang disebut oleh YB Dato' Seri Dr. Lim tadi mengenai pembiayaan penggunaan teknologi torehan baru. Saya difahamkan bahawa Kementerian Perusahaan Utama dan Lembaga Getah Malaysia sedang berusaha mewujudkan satu skim pembiayaan bagi membantu pekebun kecil membeli peralatan berkenaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Satu perkara yang perlu diambil tindakan segera ialah perlunya diubahsuai struktur sektor penanaman getah, terutama sektor pekebun kecil. Ini adalah supaya kebun-kebun mampu diurus dengan lebih sempurna dan ekonomik. Sementara

negara kita pada keseluruhannya telah mencapai kejayaan dari peralihan ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi perindustrian, adalah amat malang jika struktur asas industri yang tertua di negara kita ini masih tidak berubah. Untuk menghadapi cabaran alaf baru, kebun-kebun kecil yang berselerak dan tidak ekonomik perlu diuruskan dengan cara baru. Perkara ini telah dibangkitkan oleh kedua-dua menteri perusahaan utama dan menteri pembangunan luar bandar serta turut dibincangkan oleh wakil-wakil pekebun kecil di persidangan sektor kebun kecil baru-baru ini dan saya mahu perkara ini menjadi kenyataan. Di samping itu, saya juga difahamkan bahawa Lembaga Getah Malaysia sudahpun membincangkan perkara ini di dalam satu bengkel pada 12 ogos 1999 yang lalu. Saya berharap, syor-syor yang dibuat oleh agensi-agensi berkenaan dapat dimajukan kepada kerajaan dengan secepat mungkin untuk pertimbangan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Saya ingin juga menyatakan sesuatu mengenai perkara yang menarik tumpuan kita sekarang - iaitu mengenai harga getah. Sesungguhnya, harga adalah satu faktor penting yang menentukan mundur majunya sektor pengeluaran getah. Pada tahun 1999, harga getah terletak pada paras yang paling rendah sekali sejak tiga puluh tahun kebelakangan ini disebabkan kurangnya permintaan berbanding dengan pengeluaran yang berlebihan.

12. Kerajaan telah campur tangan dalam pembelian getah pekebun kecil sejak mei 1999 yang lalu di bawah Skim Khas Pembelian Getah. Tujuan utama skim ini ialah bagi memastikan pekebun kecil dapat menjual getah mereka pada harga di ladang yang berpatutan, berdasarkan arah aliran pasaran semasa. Ia juga bertujuan menyediakan saluran kepada getah pekebun kecil. Sehingga kini, skim ini telahpun memanfaatkan pekebun-pekebun kecil pada umumnya. Kerajaan amat mengambil berat tentang harga getah kerana ia melibatkan mata pencarian rakyat pekebun kecil. Sepertimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, getah asli dipasarkan di pasaran dunia sebagai satu bahan komoditi dan dengan secara tidak langsung terjebak dengan kuasa bekalan dan permintaan. Malaysia, sebagai pengeluar ketiga terbesar selepas Thailand dan Indonesia, secara bersendirian tidak akan mampu untuk mempengaruhi kedudukan harga di peringkat antarabangsa. Oleh itu, kerjasama dengan pengeluar utama tersebut adalah penting. Untuk itu, kita akan adakan satu perjanjian persefahaman dengan thailand dalam masa sebulan ini. Kita juga akan terus bekerjasama dengan pengeluar-pengeluar lain dalam persatuan negara-negara pengeluar getah asli serta anggota-anggota asean yang lain.

13. Akhir kata, saya berharap bulan pemindahan teknologi getah ini akan dapat memperkenalkan dan menggalakkan para pekebun kecil menerimapakai apa-apa teknologi yang telah ditemui. Semoga dengan niat yang baik itu, tuan-tuan dan puan-puan para pekebun kecil getah akan beroleh kejayaan. Apa-apa yang baik itu datang dari allah jua, manakala yang tidak baik itu dari kita semata-mata.

14. Dengan itu, saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, merasmikan pelancaran bulan pemindahan teknologi getah ini.

Sekian, terima kasih. Wassalamu alaikum wa rahmatullahi wa barokatuh.